

07/10/1998

Terap nilai moral tinggi di kalangan pelajar

KUCHING, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pelajar diterapkan dengan nilai moral yang tinggi dalam proses menuntut ilmu bagi memastikan keamanan dan pembangunan negara terus kekal.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mampu mempertahankan keamanannya daripada segala unsur tidak sihat kerana rakyat masih berpegang kepada prinsip Rukun Negara dan demokrasi, yang mengutamakan nilai moral tinggi.

Sambil meminta rakyat memberi perhatian dan mengutamakan nilai moral tinggi, Dr Mahathir berkata, sekolah di seluruh negara hendaklah memberi perhatian khusus dalam menerapkan nilai moral melalui sistem pembelajaran.

"Ada sesetengah sekolah menerap pendidikan moral melalui pelajaran agama. Ibu bapa juga memainkan peranan penting memupuk nilai positif dalam diri anak-anak mereka.

"Malaysia memerlukan pelajar bermoral tinggi kerana mereka akan berkhidmat untuk negara pada masa depan dan akhlak mulia melindungi mereka daripada pengaruh tidak sihat," katanya berucap merasmikan Sekolah Rendah Bantuan Chung Hua No 6, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, rakyat harus memelihara sikap toleransi antara kaum yang membabitkan agama, bahasa dan bangsa bagi menjamin pembangunan berterusan.

Walaupun ada pihak cuba membangkitkan sentimen perkauman dan agama untuk kepentingan sendiri bagi mendapatkan sokongan politik, usaha itu ditolak bulat-bulat oleh semua rakyat.

(END)